



TARIKH

29 MEI 2019



BORNEO POST



<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/05/569408/kelompok-b40-felcra-terima-bantuan-lebih-rm44-juta>

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA Hujung Minggu **BHPLUS**

Kelompok B40 FELCRA terima bantuan lebih RM44 juta

Oleh: Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

[Share](#) [Tweet](#) [8+ Share](#)

KUALA LUMPUR: FELCRA Berhad (FELCRA) mengumumkan bakal membuat bayaran Bantuan Sara Hidup berjumlah RM44,399,970.05 kepada 17,161 peserta FELCRA dari kalangan kelompok isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Bantuan pada kadar RM70 seekar ini adalah bagi tempoh Ogos 2018 hingga Mei 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA, Mohd Nazrul Izam Mansor, berkata bantuan ini setelah kerajaan meluluskan dan menyalurkan pembiayaan yang berjumlah RM73,476,246.00 yang merupakan bayaran tunggakan bagi tempoh Ogos 2018 hingga Disember 2019.

Katanya, keprihatinan kerajaan terhadap nasib peserta FELCRA dalam kalangan B40 ketika peserta berhadapan dengan situasi tanam semula kerana dalam tempoh itu ladang yang diusahakan masih belum mengeluarkan hasil.

"Bantuan Sara Hidup FELCRA adalah skim pendahuluan kewangan kepada peserta yang terbabit dengan tanam semula. Bantuan yang diberikan adalah pada kadar RM70 seekar.

"Tempoh bayaran pendahuluan ini diberikan adalah selama empat tahun bagi tanaman sawit dan enam tahun bagi getah iaitu sehingga ladang berkenaan berhasil," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mohd Nazrul menjelaskan, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan seluruh warga peserta FELCRA menzahirkan tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri hari ini yang prihatin membela nasib warga peserta FELCRA, khususnya kepada mereka dari kalangan B40.

"Terima kasih juga kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Kewangan serta semua pegawai yang terlibat secara langsung di dalam memudah penyaluran segera bayaran sara hidup ini.

"Komitmen padu daripada kerajaan ini memberi ruang kepada warga peserta menambah kegembiraan dan kesyukuran sempena menyambut Syawal yang mulia ini," katanya.